

IPTS diberi kuasa larang vape di kampus

■ PUTRAJAYA, 28 NOV.

INSTITUSI Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diberi kuasa penuh jika ingin menguatkuasakan larangan rokok elektronik (e-rokok) atau vape di kampus masing-masing.

Menterinya Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kementerian tidak mempunyai sebarang dasar berhubung penggunaan e-rokok atau vape.

"Apa juga keputusan saya serah kepada mereka (IPTS) di bawah kementerian, mereka boleh buat keputusan," katanya kepada pemberita selepas majlis konvokesyen ke-32 Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) di sini hari ini.

Ismail Sabri diminta mengulas sama ada kementerian berhasrat



Apa juga keputusan saya serah kepada mereka (IPTS) di bawah kementerian, mereka boleh buat keputusan."

ISMAIL SABRI YAKOB
Menteri Kemajuan Luar
Bandar dan Wilayah

mengikut jejak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menguatkuasakan larangan penggunaan e-rokok atau vape di kampus mulai 1 Januari tahun hadapan.

Jumaat lepas, Naib Canselor

USIM Datuk Dr Musa Ahmad dalam kenyataannya di Nilai berkata larangan itu dibuat kerana e-rokok adalah qiyas kepada rokok sebenar dan kenyataan pakar menunjukkan ia memudaratkan.

Sementara itu, Timbalan Presiden KPTM Ismail Junuh berkata, pihaknya akan membuat kajian berhubung kesesuaian larangan e-rokok atau vape di kampus kolej berkenaan.

"Kita akan kaji perkara ini sebelum membuat sebarang keputusan," katanya yang kini menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif KPTM.

Konvokesyen ke-32 KPTM berlangsung selama tiga hari mulai hari ini sehingga 30 Nov membabitkan 5,809 graduan peringkat ijazah, diploma dan sijil profesional.

-BERNAMA